

D118

U B554 DEB
MAHATHIR - KEBERSIHAN

KUALA LUMPUR, 26 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG MENGENAI KEBERSIHAN DI BANDARAYA TIDAK PERLU JIKA SEMUA PENDUDUK SEDAR AKAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING UNTUK MEMELIHARA KAWASAN SEKITAR.

KATANYA, TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN BANDARAYA TIDAK SEPATUTNYA DISERAHKAN SEMATA-MATA KEPADA MAJLIS PERBANDARAN, SEBALIKNYA IA MENJADI TANGGUNGJAWAB SETIAP PENDUDUK IBU KOTA.

JIKA SETIAP PENDUDUK MEMENTINGKAN KEBERSIHAN, PERUNTUKAN UNTUKNYA DAPAT DIKURANGKAN DAN MAJLIS PERBANDARAN BOLEH MENGGUNAKAN PERUNTUKAN ITU UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN LAIN, KATANYA SEMASA MELANCARKAN YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI.

PERDANA MENTERI JUGA MAHUKAN PARA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MEMELIHARA KEBERSIHAN KAWASAN GERAI DAN PERSEKITARAN UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELANGGAN.

+PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA TARIKAN PELANCONG KE IBUKOTA DAN NEGARA INI. IMEJ YANG BAIK DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG KE SINI,+ KATANYA. -- LAGI
2306MST 26 04 86

D119

U B555 DEB
MAHATHIR - KEBERSIHAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN KUALA LUMPUR SEOLAH-OLAH DIBERI PERHATIAN ISTIMEWA OLEH KERAJAAN DENGAN USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH MEMPERINDAHKAN KAWASAN SEKITARNYA, TETAPI IA SELARAS DENGAN SIFATNYA SEBAGAI IBUNEGARA.

SETIAP PENDUDUK HENDAKLAH BERBANGGA DENGAN USAHA INI KERANA IBUNEGARA MERUPAKAN MILIK BERSAMA RAKYAT, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERBANGGA DENGAN SIKAP PENJAJA DAN PENIAGA KECIL YANG TURUT MEMBERI SUMBANGAN KEPADA YAYASAN YANG DITUBUHKAN.

MEREKA BUKAN SAHAJA MEMBANTU KEHIDUPAN PENDUDUK BERPENDAPATAN RENDAH DENGAN JUALAN BARANGAN YANG LEBIH MURAH, TETAPI MEREKA JUGA MEMBERI SUMBANGAN MENGGERAKKAN AKTIVITI MASYARAKAT IBUKOTA MELALUI YAYASAN INI, TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERHARAP WANG KUTIPAN YAYASAN DAPAT MENINGKATKAN TARAF HIDUP WARGAKOTA.

SELEPAS PELANCARAN ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI MELAWAT BEBERAPA GERAI SEKITAR PASAR MALAM JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN. -- BERNAMA
2308MST 26 04 86